

31/01/2001

Putrajaya jadi warisan budaya

PUTRAJAYA akan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari. Berikutan itu, wartawan Berita Harian, Hasnira Hassan membincangkan perancangan masa depan Pusat Pentadbiran Kerajaan Pusat yang baru itu bersama Pengarah Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya, Shamsiah Jamaluddin (SJ) dan Timbalan Pengarah Perancangan, Lanskap dan Alam Sekitar Perbadanan Putrajaya, Shahoran Johan Ariffin (SJA).

BH: Apakah matlamat jangka panjang Putrajaya?

SJ: Kita ingin menjadikan Putrajaya sebagai bandar raya terunggul yang boleh bersaing dengan bandar maju lain di dunia. Maka, pembangunannya kita rancang melalui dua fasa. Fasa pertama bermula pada 1996 hingga 2000 sudah disiapkan membabitkan kemudahan awam dan pejabat kerajaan, manakala fasa kedua sedang dijalankan dan dijangka siap pada 2005. Secara kesimpulannya, kita ingin menjadikan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru, moden dan berkesan.

BH: Apakah identiti Putrajaya berdasarkan perancangan pembangunan kini?

SJ: Identiti Putrajaya berasaskan Malaysia kerana ini adalah bandar raya untuk rakyat yang dirancang dan dibina menggunakan dana dan kepakaran tempatan. Putrajaya adalah bandar raya alaf baru dan bukan bandar untuk hari ini. Malah, kita selalu katakan pembangunan Putrajaya adalah warisan budaya.

BH: Apakah keistimewaan Putrajaya sebagai tarikan kepada orang ramai terutama pelancong?

SJA: Kerajaan pada tahun lalu memutuskan supaya pembangunan Putrajaya turut bergerak ke arah destinasi pelancongan. Tarikan utama Putrajaya adalah bandar raya alaf baru yang dirancang dan dibangunkan sendiri oleh rakyat tempatan. Secara langsung ia memberi peluang kepada pelancong asing, golongan ilmiah dan profesional melihat bagaimana Malaysia mampu merancang dan membangunkan Putrajaya.

Tarikan biasa antaranya tanah lembap (wetland) yang terbesar; rangkaian tasik terbesar seluas kira-kira 520 hektar di dalam bandar; 'boulevar' sepanjang 4.2 kilometer dan selebar 100 meter sebagai lokasi sambutan perayaan negara; 13 taman awam yang mempunyai reka bentuk tersendiri seperti botani, warisan pertanian dan Putra Perdana yang menjadi mercu tanda Putrajaya.

Kita juga mempunyai 10 jambatan poskad yang direka bentuk khas melambangkan sains, teknologi, warisan kebudayaan dan keceriaan alam; persisiran air sepanjang lebih 25 kilometer sebagai kawasan tarikan rekreasi.

Pendek kata, Putrajaya menghimpunkan kawasan tarikan orang ramai yang ada secara berselerak di negara lain.

BH: Sejauh manakah pembabitan swasta dalam membangunkan Putrajaya.

SJ: Pembangunan Putrajaya adalah contoh yang tepat mengenai penggemblengan kerajaan dan swasta di bawah konsep Persyarikatan Malaysia kerana semuanya direka, dibina, dibangunkan malah dibiayai oleh rakyat Malaysia. Untuk melaksanakan projek pembangunan, kita ada Perbadanan Putrajaya, badan yang bertanggungjawab merancang pembangunan Putrajaya selain menyediakan kemudahan awam. Bagi pihak swasta pula, Putrajaya Holding Sdn Bhd sebagai pemaju utama, iaitu syarikat kerajaan yang saham ekuitinya dimiliki oleh Petronas, Khazanah Nasional Bhd dan Tabung Warisan Negara.

BH: Berapa jumlah penduduk di Putrajaya sekarang dan sasaran pada masa

depan?

SJ: Pada masa ini ada kira-kira 8,000 orang dengan 7,000 daripadanya adalah kakitangan kerajaan. Kita menjangka jumlah ini akan meningkat sehingga 15,000 hingga 20,000 orang pada pertengahan tahun ini, apabila projek pembangunan siap. Pada 2005 kita menyasarkan 335,000 penduduk akan mendiami Putrajaya dan populasi mereka yang bekerja seramai 500,000 orang kerana kebanyakan mereka mungkin tinggal di kawasan sekitar Putrajaya.

BH: Bagaimana pula soal pengangkutan awam bagi penduduk Putrajaya?

SJ: Selain rangkaian lebuhraya kita juga mendapat sokongan pengangkutan seperti bas dari Kajang, Kuala Lumpur, Dengkil dan Klang-Banting. Kita turut mempunyai perkhidmatan bas Nadiputra mulai jam 6.30 pagi hingga 5.30 petang yang bermula sejak 5 Julai 1999.

BH: Bagaimana kedudukan orang Melayu dan Tanah Simpan Melayu di Putrajaya?

SJA: Sebenarnya tidak ada. Tapi jika meminjam kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Putrajaya apabila siap sepenuhnya akan menjadi bandar raya alaf baru yang benar-benar mencerminkan masyarakat Malaysia yang maju dan progresif. Maka dari situ segala perancangan menitikberatkan supaya Putrajaya menjadi lambang kebanggaan bangsa kita dan teras bangsa kita adalah Melayu.

BH: Apakah masalah utama Perbadanan Putrajaya sebagai pentadbir dalam membangunkan bandar ini?

SJA: Secara fizikalnya tiada kerana Putrajaya berbeza dengan pembangunan hartanah lain kerana ia adalah hartanah terbesar di dunia. Kalau ada masalah pun lebih tertumpu kepada kepakaran dan tenaga tempatan seperti jurutera, perancang bandar, juru ukur termasuk pentadbir...hendak menggembelngkan tenaga supaya dapat bekerjasama dalam usaha melaksanakan pembangunan. Masalah lain seperti perpindahan adalah masalah biasa bagi bandar baru.

BH: Apakah usaha Perbadanan Putrajaya bagi mewujudkan pembangunan bandar raya seimbang dengan mengelakkan masalah utama yang melanda bandar raya maju lain seperti masalah sosial, kesesakan dan pertambahan penduduk.

SJA: Kita bernasib baik kerana perpindahan penduduk secara berfasa kerana itu kita kawal bilangan yang masuk manakala kemudahan sokongan pula disediakan mengikut pertambahan penduduk dan garis panduan. Putrajaya memang dirancang sepenuhnya dan bukan saja sesuai untuk masa sekarang malah juga masa depan. Perpindahan penduduk secara berperingkat menyebabkan penduduk baru akan dapat mengikuti cara hidup penduduk lama yang teratur.

(END)